

SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

1. Matlamat Sukatan

Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.

2. Tujuan Peperiksaan

Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.

3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

4. Sukatan Peperiksaan

4.1 Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- 4.1.1 Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
- 4.1.2 Pengurusan Kewangan Am
- 4.1.3 Pengurusan Terimaan
- 4.1.4 Pengurusan Perolehan
- 4.1.5 Pengurusan Bayaran Emolumen
- 4.1.6 Pengurusan Akaun
- 4.1.7 Pengurusan Aset dan Stor

4.2 Bahan Rujukan:

- 4.2.1 Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) dan Perlembagaan Universiti
- 4.2.2 Arahan Perbendaharaan

- 4.2.3 Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- 4.2.4 Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (yang berkaitan dengan gaji dan elaun)
- 4.2.5 Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (Waktu Bekerja dan Elaun Lebih Masa)
- 4.2.6 Asas Perakaunan

4.3 Soalan

Bentuk Soalan: Objektif
Jumlah Soalan: 40 (Jawab semua)
Masa: 1 Jam 30 Minit
Markah: 40

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan semasa peperiksaan.

5. Keputusan

Lulus / Gagal

6. Bahasa (Soalan dan Jawapan)

Bahasa Malaysia

7. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Peperiksaan BITK
Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
No. Tel: 03-89118237/8238
Email: arenim88@ukm.edu.my / azlinaml@ukm.edu.my
(u/p: **Puan Kamili Diana Alias @ Yusof**)

8. Syarat-Syarat Lain

- 8.1 Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan.

- 8.2 Tertakluk kepada perenggang no. 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini untuk dibayar BITK RM80.00 sebulan.

9. Tarikh Tutup Pendaftaran

15 Jun 2026

10. Bayaran pendaftaran

- 10.1 RM50.00 bagi setiap calon (tidak akan dikembalikan)
10.2 Kaedah bayaran: secara atas talian

Nama Akaun	Bendahari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
Nombor Akaun	13017010082394
Nama Bank	BANK ISLAM (M) BERHAD
Rujukan Pada Slip Bayaran	Yuran BITK 2026
Alamat e-Mail	arenim88@ukm.edu.my azlinaml@ukm.edu.my

- 10.3 Sila emelkan bukti pembayaran kepada alamat emel seperti di atas.
10.4 Bayaran perlu dilakukan kepada Bendahari UniSZA **sebelum atau pada 18 Mei 2026.**